

KATA BANTU

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Ayah saya _____ berehat sambil membaca surat khabar di ruang tamu.
A masih C telah
B pernah D sedang
- 2 Pasukan bola sepak Johor FC _____ kalah setelah mengharungi sepuluh perlawanan liga.
A sudah pernah
B belum pernah
C masih pernah
- 3 Arjun tidak _____ menyertai Sukan Asia kerana kecederaannya belum pulih lagi.
A mesti
B dapat
C harus
- 4 See Kai _____ sedar daripada koma sejak dimasukkan ke hospital dua minggu lepas.
A masih
B belum
C pernah
- 5 "Ayah _____ kamu semua belajar bersungguh-sungguh hingga ke universiti," nasihat Encik Othman kepada anak-anaknya.
A harus C mesti
B boleh D mahu
- 6 "Awak _____ mendapat sekurang-kurangnya 40 markah untuk lulus ujian itu," kata Cikgu Latif.
A akan
B boleh
C mesti
- 7 Jika diberikan peluang, saya _____ pergi melancong ke Australia.
A hendak C mesti
B boleh D pernah

- 8 Ah Chuan _____ tidur lagi di dalam bilik walaupun sudah jam 10.00 pagi.

A telah C sudah
B masih D belum

9 Sudah seminggu sampah itu dilonggokkan tetapi _____ dipungut oleh pekerja majlis daerah.

A masih belum C belum pernah
B telah pernah D mesti mahu

10 Chee Yew _____ membuat keputusan untuk menyertai ekspedisi berkayak ke Pulau Besar.

A harus C pernah
B telah D belum

11 Susan _____ memiliki kereta dan rumah sendiri walaupun baru setahun bekerja.

A akan C pernah
B sudah D belum

12 Adik tidak mahu mengikut ayah ke Pulau Tioman kerana dia _____ pergi ke sana.

A sudah pernah C masih sedang
B harus dapat D belum pernah

13 Kapal terbang dari Jakarta _____ tiba lewat setengah jam.

A telah C pernah
B akan D belum

14 "Rasa-rasanya, kita _____ berjumpa sebelum ini, tetapi di mana ya?" kata Linda kepada perempuan itu.

A mahu C telah
B sudah D pernah

15 Kita _____ sentiasa menghormati orang yang lebih tua.

A mahu C dapat
B boleh D harus

- 16 Liza _____ pergi ke majlis hari jadi Syira setelah diizinkan ibu dan bapanya.
- A belum C boleh
B sudah D mahu
- 17 "Kamu _____ tempat pertama dalam peperiksaan akhir tahun," kata ibu kepada kakak.
- A mesti dapat C mesti mahu
B harus dapat D
- 18 Rahim tidak _____ berlari dengan pantas lagi semenjak kakainya patah.
- A boleh C hendak
B dapat D harus
- 19 Mereka _____ bermain walaupun hujan telah turun dengan lebatnya.
- A masih mahu C masih sedang
B masih belum D
- 20 Hafiz Hashim yakin dia _____ mengalahkan pemain China itu dalam perlawanan akhir nanti.
- A dapat C hendak
B sudah D harus
- 21 "Sejak semalam, saya _____ makan lagi," kata Yuri kepada Mei Hua.
- A telah C akan
B belum D sudah
- 22 Ah Tiak dan keluaganya _____ melancong ke Korea pada akhir bulan ini.
- A pernah C akan
B sudah D telah
- 23 Puan Hasmah _____ memandu kereta ke pejabat.
- A sedang C akan
B akan D telah

- 24 "Ketika saya datang ke rumahnya tadi, dia _____ tidur lagi," kata Aik Guan kepada kawan-kawannya.

A akan C telah
B belum D masih

25 Saya _____ dua kali kali menonton rancangan Mission Impossible di pawagam.

A sudah C belum
B pernah D akan

26 Danial _____ mengikut saya pulang ke kampung semasa musim buah-buahan tahun lalu.

A pernah C boleh
B harus D akan

27 Guru besar _____ beberapa kali menasihati murid-murid nakal itu supaya tidak melanggar peraturan sekolah.

A sedang C pernah
B telah D akan

28 Nenek Munah _____ menganyam daun ketupat bersama cucu-cucunya di bawah pokok.

A sedang C pernah
B akan D telah

29 Walaupun peperiksaan UPSR hampir tiba, dia _____ lagi gemar menonton televisyen hingga larut malam.

A mahu C masih
B belum D telah

30 Kami _____ mengikuti rombongan sekolah ke Singapura pada cuti semester ini.

A akan C masih
B sedang D harus

31 Nicol David _____ dinobatkan sebagai pemain skuasy nombor satu dunia.

A telah
B dapat
C sedang

- 32 "Kamu pergilah dahulu, saya _____ menyusul dari belakang," kata Rahman kepada kawan-kawannya.

A akan C pernah
B telah D sedang

33 "Kamu _____ belajar bersungguh- sungguh supaya dapat melanjutkan pelajaran ke menara gading," kata cikgu Lina kepada murid-muridnya.

A akan C mesti
B telah D masih

34 Kita _____ taat kepada ibu dan bapa kerana mereka telah membesar dan mendidik kita sehingga berjaya.

A dapat C mesti
B akan D masih
C harus

35 Orang buta itu _____ membaca menggunakan Braille dengan lancar.

A mesti C boleh
B belum D akan

36 Amiza sungguh gembira kerana _____ berjumpa dengan ibunya yang telah lama terpisah.

A sedang C telah
B masih D dapat

37 Pak Kassim _____ beberapa kali terserempak dengan lembaga hitam itu.

A harus C boleh
B pernah D akan

38 Kakaknya _____ melangsungkan perkahwinan dengan jejaka pilihannya akhir bulan ini.

A telah C akan
B dapat D sedang

39 Puan Hasni _____ memperoleh cahaya mata walaupun _____ lima tahun berkahwin.

A akan ... sudah C sudah ... belum
B belum ... pernah D belum ... sudah

40 Seong _____ menziarahi neneknya yang sakit di Hospital Muar.

- | | |
|---------|---------|
| A dapat | C boleh |
| B akan | D agar |

41 Lantai kelas itu _____ kotor walaupun telah dicuci.

- | | |
|----------|---------|
| A masih | C harus |
| B hendak | D dapat |

42 Lili _____ membalas surat daripada rakannya sebentar lagi.

- | | |
|---------|---------|
| A telah | C boleh |
| B belum | D akan |

43 Bayi itu _____ tidur walaupun sudah pukul 11.00 pagi.

- | | |
|---------|---------|
| A harus | C masih |
| B boleh | D mesti |

44 Nenek saya _____ menjadi mangsa ragut perompak bank itu.

- | | |
|----------|----------|
| A harus | C pernah |
| B hendak | D sedang |

45 Juruteknik _____ membaiki telefon awam yang rosak itu.

- | | |
|---------|----------|
| A boleh | C sedang |
| B harus | D sekali |

46 Bas ekspres ke Teluk Intan _____ bertolak tidak lama lagi.

- | | |
|----------|---------|
| A pernah | C belum |
| B masih | D akan |

47 Kita _____ berhati-hati ketika berjalan di lorong yang gelap itu.

- | | |
|---------|----------|
| A mesti | C belum |
| B masih | D sedang |

48 Murid-murid yang sedang beratur itu _____ masuk ke kelas untuk belajar.

- | |
|----------|
| A pernah |
| B hendak |
| C masih |

49 Guru besar sekolah saya _____ bersara pada tahun ini.

- | | |
|----------|---------|
| A sedang | C masih |
| B harus | D akan |

50 Misri _____ melangsungkan perkahwinannya pada bulan hadapan.

- | | |
|---------|----------|
| A akan | C sudah |
| B telah | D sedang |